



PEKELILING AKADEMIK BIL. 36/2021

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2021/2022

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022 akan diadakan mulai **7 hingga 27 Februari 2022**.

2. Untuk makluman saudara/i, mulai Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022, **pelajar dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPweb**. Sehubungan itu, saudara/i boleh mencetak Kad Masuk Peperiksaan dan Jadual Waktu Peperiksaan (KMJP) mulai **3 Januari 2022**.

3. Sekiranya saudara/i **tidak membuat Pengesahan Masuk Peperiksaan**, sila pastikan denda sebanyak **RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ringgit Sahaja)** dibayar melalui Portal <https://ekewangan.ukm.my/> (Pilih Bayaran Tanpa Invois). Kemudian emelkan salinan bukti pembayaran kepada pihak Pusat Pengurusan Akademik (akad@ukm.edu.my) sebelum saudara/i dibenarkan membuat cetakan KMJP melalui SMPweb. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah) dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan, tindakan tatatertib akan diambil.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

MUHAMMAD WALID OSMAN

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
 - Dekan
Fakulti/Pusat
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Ketua
Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
 - Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
Fakulti/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik